



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755, Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor Darul Takzim.

Tel : 07-7722946
Laman Web : www.ppdktanjung-edu.my

Ruj. Kami : PPDKLG.600-3/3/1 Jld.4 (86)
Tarikh : 02 Julai 2025



Guru Besar,
Sekolah-sekolah Rendah Daerah Kluang.

Tuan,

PERTANDINGAN STORYTELLING LEVEL 1 KARNIVAL SEMARAK PERPADUAN BAHASA INGGERIS SEKOLAH RENDAH PERINGKAT DAERAH KLUANG TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa SK Kampong Melayu, Kluang selaku pengelola dengan kerjasama Sektor Pembangunan Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang akan menganjurkan pertandingan tersebut mengikut ketetapan berikut:

Tarikh : 9 & 10 Julai 2025 (Rabu & Khamis)
Masa : 7.30 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : SK Kampong Melayu, Kluang

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk memberi pelepasan kepada guru dan murid yang terlibat dalam pertandingan ini (Lampiran 1). Sebagaimana telah diputuskan dan dipersetujui sebulat suara dalam mesyuarat pengelolaan pada 30 Jun 2025 (Isnin) di SK Kampong Melayu, bahawa setiap sekolah yang menyertai pertandingan ini dikenakan yuran penyertaan sebanyak **RM 25.00 bagi setiap peserta** (Rujukan surat kelulusan: JPNJ.800-4/5/11 JLD.9(28), 16 Mei 2025). Bayaran ini adalah untuk urusan pengelolaan. Untuk makluman, makan dan minum peserta adalah di bawah tanggungan sekolah masing-masing.

4. Pembayaran boleh dibuat secara tunai atau cek kepada sekolah pengelola di atas nama **SEK KEB KAMPONG MELAYU, KLUANG** selewat-lewatnya pada **9 Julai 2025**.

5. Kerjasama daripada pihak tuan amat kami hargai. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada En. Hairul Azuan Bin Ahdan, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid di talian 07-7741103.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan. Terima kasih.

"SYNERGY IN EXECUTION: CONQUER THE CHALLENGE" (C) PA YAI
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang melampirkan amanah,

(HAJI AYUB BIN IBRAHIM)
Pegawai Pendidikan Daerah Kluang
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang.

s.k Fail Ko-Akademik Sekolah Rendah

Pegawai	Tindakan
GB. ()	Untuk Makluman ()
GPK 1 ()	Sila Uruskan ()
GPK (HEM) ()	Sila Sampaikan ()
GPK. (KK) ()	Sila Catatkan ()
KPT ()	Sila Failkan ()
PT ()	Sila Hantarkan ()
PKA ()	Sila Hadir ()
()	Sila ()
()	()